

09/09/1998

Mahathir: Kita sudah tunaikan janji

mi Samad; Saufi Hamzah; Hussain Said; Wan Jailani Razak; Mohd Ali Majid MALAYSIA sudah menunaikan janji dan komitmennya untuk memastikan pelbagai kemudahan infrastruktur Sukan Komanwel XVI disempurnakan walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi yang serius.

Sehubungan dengan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap kehadiran ribuan pegawai dan atlit dari 70 negara Komanwel dalam Kuala Lumpur '98, dapat mengikis tanggapan negatif mengenai imej Malaysia, yang digambarkan oleh media antarabangsa.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia mengalu-alukan kedatangan mereka, kerajaan kesal terhadap laporan negatif yang masih muncul mengenai negara ini dan kejohanan yang dianjurkanya itu.

"Tetapi anda semua yang hadir di sini akan berpeluang untuk memastikan sendiri keadaan sebenar."

"Walaupun kerugian beberapa bilion dolar Amerika berikutan kegiatan spekulasi oleh pedagang mata wang dan pelabur pasaran saham, kami berjaya melengkapkan kemudahan dan persediaan untuk Sukan Komanwel."

"Ini membuktikan tahap komitmen kami kepada kejohanan ini dan betapa seriusnya kami dalam menunaikan janji," katanya berucap merasmikan Perhimpunan Agung Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ialah Presiden CGF, Putera Edwards; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku; Pengerusi CGF, Michael Fennel, dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah.

Dr Mahathir percaya kehadiran lebih 10,000 tetamu negara bagi menghadiri kejohanan kedua paling berprestij di dunia itu, dapat membetulkan tanggapan negatif yang mungkin diperolehi mereka melalui media antarabangsa, sejak beberapa bulan lalu.

"Sekarang anda boleh menyaksikan sendiri usaha pembangunan, daripada sekeping tanah kosong, terbina sebuah kompleks sukan yang lengkap."

"Saya harap anda semua bersetuju bahawa kerajaan dan rakyat negara ini bekerja keras untuk menunaikan janji kami," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Sukan Komanwel bukan sekadar untuk memperolehi pingat, malah kejayaannya boleh dicapai melalui pelbagai cara tanpa mengira sempadan sosial dan bangsa.

Kejayaan bagi Malaysia, katanya, adalah kemampuan untuk menjaga nama baik negara dan mengekalkan kenangan manis bagi semua tetamu yang datang untuk menyaksikan kejohanan terbesar, yang pernah dianjurkan di negara ini.

"Walaupun sukan hari ini lebih mementingkan kejayaan dan maruah negara, saya benar-benar berharap falsafah lama 'semangat kesukanan' akan terus dirasai dalam kejohanan ini."

"Sudah tentu kemenangan adalah penting tetapi semangat setia kawan dan pertandingan persahabatan masih diutamakan."

"Dalam dunia yang penuh dengan perasaan iri hati dan konflik, kita tidak perlu untuk turut mengheretnya hingga ke dalam padang," katanya.

Perdana Menteri memberi jaminan sikap peramah dan murah hati rakyat Malaysia dan keindahan negara ini akan pasti menambat hati semua tetamu negara dalam tempoh dua minggu ini.

"Kami yakin semangat toleransi dan keharmonian yang wujud di kalangan kaum di negara ini, akan turut dirasai oleh pegawai dan atlit daripada pelbagai bangsa dan negara yang menyerti sukan ini," katanya.

Menurutnya, Kuala Lumpur sudah melakukan yang terbaik dalam usaha menjadi tuan rumah paling cermerlang dalam abad ini, lebih-lebih lagi ia juga adalah kejohanan terakhir sebelum melangkah ke alaf baru.

"Kami mungkin tidak akan memperolehi sebarang pingat tetapi kami sudah mencapai pelbagai perkara di tangga pertama."

"Sukan Komanwel ini adalah pertama diadakan di Asia, pertama akan dirasmikan oleh raja berperlembagaan di negara Komanwel bukan British, pertama mengadakan acara berpasukan dan pertama menerima sokongan padu kerajaan di pelbagai peringkat. Tetapi ia tidak berhenti setakat itu."

"Kuala Lumpur '98 juga adalah yang pertama menggunakan teknologi maklumat terkini untuk kejohanan dan sistem pengurusan keputusan. Ia juga yang pertama mewujudkan agensi berita tuan rumah bagi penganjuran sukan."

"Dalam sejarah Sukan Komanwel, Kuala Lumpur mencatat rekod sebagai negara pertama menerima kehadiran 100 peratus, termasuk penyertaan baru dalam Persatuan Sukan Komanwel, Kiribati," katanya.

(END)